

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.0 Pendahuluan

Kajian berkaitan murtad bukanlah suatu perkara yang baru. Bagi kajian ini, penulis akan menumpukan aspek perundangan murtad yang sedang diamalkan di negeri Selangor pada hari ini berasaskan *maqāsid shar'iyah*. Di dalam bab pertama ini, penulis mengetengahkan latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan metodologi kajian yang akan digunakan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Jenayah murtad adalah masalah sejagat. Di peringkat antarabangsa, nama-nama seperti Salman Rushdi¹, Taslima Nasrin² dan Fudail³ adalah antara mereka yang dikaitkan dengan jenayah murtad. Begitu juga dengan Ibnu Warraq yang telah

¹ Sir Ahmed Salman Rushdie lahir pada 19 Jun 1947 di Bombay, India. Beliau merupakan novelis India-British dan penulis rencana yang terkenal di seluruh dunia. Anugerah pertamanya diterima berikutan novel kedua beliau, *Midnight's Children* (1981) telah menerima hadiah Booker Prize. Fiksyen yang dituliskannya berdasarkan kehidupan sebenar di India, kekayaan, kemelaratan, rangkaian hubungan dan penghijrahan dari timur ke barat. Novel keempat beliau bertajuk *The Satanic Verses* (1988) telah mengundang kemarahan umat Islam seluruh dunia sehinggakan Ayatollah Ruhollah Khomeini dari Iran mengeluarkan fatwa hukuman bunuh ke atas dirinya. Pada Jun 2007 kerajaan Britain memberinya anugerah *Knight Bachelor* yang membawa gelaran *Sir* sempena harijadi Queen Elizabeth pada Jun 2007. Ternyata Britain masih tidak peka dengan sensitiviti umat Islam sedunia. http://ms.wikipedia.org/wiki/Salman_Rushdie, akses pada 20 Julai 2009.

² Dilahirkan pada 25 Ogos 1962, di Mymensingh, Pakistan Timur dan sekarang dikenali sebagai Bangladesh. Beliau adalah seorang aktivis gerakan wanita di Bangladesh yang banyak mengkritik sehingga menghina agama Islam mengenai hak-hak wanita. Justeru beliau diusir dari Bangladesh dan tinggal dalam buangan di salah sebuah negara Eropah. Antara buku-buku beliau yang diharamkan ialah *Amar Meyebela (My Girlhood)*, *Utol Hawa (Wild Wind)* dan *Sei Sob Ondhokar (Those Dark Days)*, <http://taslimanasrin.com>, akses pada 20 Julai 2009 dan www.britannica.com, akses pada 22 Julai 2009.

³ Laman web ini mendakwa lebih daripada 6000 orang Algeria telah murtad semenjak krisis perang saudara meletus di Algeria pada awal era 90an apabila tentera sekular membatalkan kemenangan parti FIS dalam pilihanraya umum negara itu, <http://Islam-online.com>, akses pada 20 Julai 2009.

menulis buku mengenai pengalamannya murtad bertajuk “*Why I Am Not a Muslim*”.⁴

Masalah yang sama juga dikesan di Algeria, Bangladesh, Tunisia, Iran, Indonesia dan di negara-negara Islam yang lain.⁵

Di Malaysia kes Natrah atau Maria Huberdina Bertha Hertogh⁶ adalah kes pertama yang direkodkan dalam sejarah murtad di Malaysia. Kemudian diikuti dengan beberapa kes seperti kes *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Jamaluddin bin Othman*⁷. Kes ini telah mendedahkan kepada umum bahawa Jamaluddin bin Othman telah murtad dan menganut agama Kristian. Di Perak, dalam kes *Priyathaseny & Ors v Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ewal Agama Islam Perak*⁸ juga menjelaskan bahawa plaintif telah murtad. Malah Tan Sri Harussani Zakaria, Mufti Negeri Perak mendedahkan bahawa bilangan orang Islam

⁴ <http://www.frontpagemag.com>, akses pada 22 Julai 2009.

⁵ Seorang lelaki bernama Muhammad bin Abdullah dari Bangladesh telah murtad pada tahun 1971, setelah mendakwa melihat kekejaman tentera Pakistan membunuh orang awam. Di Tunisia, Samia Labidi juga keluar Islam kerana merasakan Islam tidak membela hak-hak wanita, <http://www.gees.org>, akses pada 3 Ogos 2009. Malah penghinaan kepada Islam juga berlaku seperti kejadian di Iran iaitu Azam Kamguin⁵ didakwa bukan sahaja murtad tetapi menghina Islam apabila menggambarkan Islam sebagai agama yang mengamalkan “*sexual apartheid*”, <http://dailydoubt.blogspot.com>, akses pada 3 Ogos 2009.

⁶ *In Re Maria Huberdina Hertogh* [1951] 17 MLJ 164. Beliau adalah seorang kelahiran Belanda yang menjadi anak angkat kepada Che Aminah di Kemaman, Trengganu. Dibesarkan sebagai seorang Islam. Berkahwin dengan Mansur Adabi di usia 13 tahun pada 1 Ogos 1950 dan di kala itu beliau telah baligh. Namun demikian Undang-undang Sivil Inggeris memutuskan perkahwinan mereka tidak sah mengikut undang-undang Inggeris kerana beliau berkahwin di bawah umur. Oleh itu beliau diserahkan semula kepada bapa kandungnya, Hertogh dan dipaksa murtad. Kemudian beliau dibawa pulang ke Belanda pada 12 Disember 1950 sebagai seorang Kristian. Beliau meninggal dunia pada 9 Julai 2009. Peguambela beliau dalam perbicaraan kes di Singapura ialah Allahyarham Tan Sri Profesor Dr Ahmad Ibrahim. Tragedi memurtadkan Natrah secara paksa ini telah menyebabkan berlaku kebangkitan umat Islam Melayu di Singapura melalui siri demonstrasi pada 12 Disember 1950 yang telah mengakibatkan 18 orang terbunuh, 173 orang cedera dan berpuluh-puluh lagi dipenjarakan. Karim Ghani ditahan oleh polis dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. ‘*Nadra Appeal Committee*’ ditubuhkan di Singapura. * Ogos 1951 - Sept. 1952 - Profesor Dr. Burhanuddin al-Helmy, presiden Parti Islam SeMalaya (PAS) ditahan di Pulau Sekijang, Singapura kerana dituduh menjadi dalang dan pembakar semangat rusuhan ini. Singapura diisytiharkan darurat selama 2 hari 2 malam. Fatini Yaakob (2009), “Dimana Islam/Melayu Selepas Tragedi Natrah?”, *Majalah al Islam*, September 2009, hh. 15-17. http://ms.wikipedia.org/wiki/Rusuhan_Natrah, akses pada 5 Ogos 2009.

⁷ *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Jamaluddin bin Othman* [1989] 1 MLJ 418.

⁸ *Priyathaseny & Ors v. Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ehwat Islam Perak & Ors* [2003] 2 CLJ 221 HC

yang telah murtad di Malaysia mencapai 100,000 orang.⁹ Lebih membimbangkan apabila kes murtad berlaku secara sukarela seperti kes Hartina Hj Kamarudin, Aisyah Hj Bohari, Siti Mariam Mohamad Ismail, Siti Salmiah Binti Abdul Halim, Hajje Ismail Bin Suppiah @ Salim, Fadzillah Binti Mustafa, Othman Narasiman Abdullah, dan Habibamma Abdul Jabar.

Jenayah murtad yang semakin berleluasa menyebabkan orang Islam semakin berani untuk murtad. Umpamanya kes Lina Joy.¹⁰ Pemohon sanggup berjuang mendapatkan status seorang bukan Islam dari sudut undang-undang sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan. Walaupun di dalam kes ini beliau gagal, namun usaha yang dizahirkannya menunjukkan bahawa beliau mempunyai keinginan yang amat tinggi supaya kemurtadannya, dengan mengisytiharkan dirinya menganut agama Kristian diterima oleh undang-undang.

Manakala orang bukan Islam juga semakin berani mencabar kedudukan Islam dan perbuatan menghina ajaran Islam semakin berleluasa. Contohnya, Majlis Gereja Malaysia (CCM) membantah syarat tambahan yang dikenakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sewaktu membenarkan penggunaan kalimah Allah S.W.T dalam sebarang penerbitan agama tersebut. Dr Hermen Shastri, setiausaha agung CCM dilaporkan berkata:

"Syarat ini tidak adil dan satu bentuk larangan yang tidak perlu dalam pengamalan agama Kristian di negara ini..... Memperkenalkan syarat-syarat itu sebagai prasyarat untuk menggunakan perkataan-perkataan tersebut (seperti Allah S.W.T, Kaabah, Baitullah dan solat) masih satu bentuk penghalang terhadap kebebasan beragama seperti telah dijamin pada Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan."¹¹

⁹ Ahamd Sabki Mohd Tahir (2009), "Memahami Isu Murtad", *Berita Harian*, 17 Julai, h. 14.

¹⁰ *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain* [2007] CLJ JT (1) (Mahkamah Persekutuan).

¹¹ <http://www.malaysiakini.com/news/99221>, akses pada 22 Julai 2009.

Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kepentingan Islam dalam negara, malah mencemarkan kesucian Islam. Walaubagaimanapun penghinaan terhadap Islam oleh bukan Islam merupakan suatu perkara yang lumrah sejak zaman berzaman. Namun demikian fenomena yang lebih membimbangkan ialah apabila orang Islam sendiri menghina Islam. Umpamanya menghina Nabi S.A.W kerana berkahwin dengan ramai wanita termasuk hamba,¹² Nabi Muhammad S.A.W pemimpin suku,¹³ para ulama tidak berfikiran waras kerana serbannya terlalu ketat,¹⁴ mempertikaikan hukuman poligami,¹⁵ peraturan Islam mencabuli hak asasi manusia¹⁶ dan banyak lagi.

Buat masa ini lima negara daripada 57 buah negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), iaitu Afghanistan, Arab Saudi, Iran, Sudan dan Yaman memperuntukkan hukuman mati bagi jenayah murtad.¹⁷ Menurut Jabatan Negara Amerika Syarikat, tiada apa-apa laporan mengenai pelaksanaan hukuman mati dilaksanakan oleh kerajaan Arab Saudi untuk beberapa tahun ini.¹⁸ Ketiadaan undang-undang yang berkesan bagi membendung jenayah murtad akan menimbulkan pelbagai masalah dalam masyarakat. Orang ramai akan bertindak sendiri dan ini akan mencemarkan imej keadilan undang-undang Islam. Umpamanya kejadian di Amerika Syarikat, seorang remaja bernama Fathima Rifqa Bary telah lari dari rumahnya di New Albany, Ohio, kerana bimbang dibunuh atas prinsip pembunuhan terhormat (*honour killings*)

¹² Farish A. Noor (2000), "Let Islam Lead The Way With Its Progressive View on Sexuality", *News Street Times*, 4 November, h. 7.

¹³ _____(2001), "The Myth Surrounding the Islamic State", *News Street Times*, 1 Disember, h. 8.

¹⁴ Akbar Ali (2001), "Now The Mufti Blame Hindi Films", *The Sun*, 21 Februari, h. 3.

¹⁵ Sisters In Islam (2002), "Islam Did not Invent or Encourage Polygamy", *News Street Times*, 10 Januari, h. 8.

¹⁶ Malik Imtiaz Sarwar, petikan dari Laporan New Street Times mengenai Bengkel Festival Hak Asasi, anjuran Majlis Peguam pada 8 Disember 2001 di Kuala Lumpur.

¹⁷ http://ms.wikipedia.org/wiki/Kritikan_terhadap_Islam , akses pada 12 Ogos 2009.

¹⁸ International Religious Freedom Report 2006 Saudi Arabia, , akses pada 12 Ogos 2009.

oleh keluarganya setelah beliau murtad dan memeluk agama Kristian.¹⁹ Di Mesir, kes Profesor Nasr Abu Zayd dipaksa bercerai²⁰ dan Profesor Farag Fuda dibunuh²¹ kerana dituduh telah murtad. Di Pakistan, serangan melulu terhadap penjenayah murtad tanpa bukti yang kukuh adalah perkara yang biasa berlaku.²²

Malah ada yang mengaku murtad untuk tidak didakwa di Mahkamah Shar'iah. Di Malaysia, kes sepasang suami isteri iaitu Mohamad Ya, dan Kamariah Ali, serta dua orang lelaki yang lain iaitu Daud Mamat dan Mat Yaakob Ismail, telah mengemukakan rayuan *habeas corpus* supaya mereka dibebaskan dari tahanan di penjara Pengkalan Chepa, Kelantan kerana mendakwa mereka bukan lagi beragama Islam. Pengakuan mereka dinyatakan dalam suratakuan bersumpah di bawah Akta Akuan Berkanun 1960, pada bulan Ogos 1998, yang mana mereka mengakui telah keluar dari agama Islam dengan kerelaan hati masing-masing.²³

Rentetan kejadian murtad yang semakin berleluasa telah menimbulkan keresahan di kalangan orang Islam. Justeru pelbagai wacana akademik mula diadakan seawal tahun 1990an bagi membahaskan isu ini. Umpamanya, "Seminar Perundangan dan Kehakiman Malaysia dengan tema Murtad - Mengapa Tidak Ada 'Abu Bakar'

¹⁹ Sarah Netter (2009), "Christian Teen Flees Home, Says She Fears Honor Killing By Muslim Father Rifqa Bary Turned Up In Florida Pastor's Home Weeks After Leaving Ohio Home", <http://abcnews.go.com>, akses pada 12 Ogos, 2009.

²⁰ Pada tahun 1993, seorang profesor Mesir bernama Nasr Abu Zayd telah diceraikan dari isterinya oleh sebuah mahkamah Mesir dengan alasan penulisannya mengenai al-Qur'an telah menimbulkan kontroversi dan menunjukkan kemurtadannya. Selepas itu beliau melarikan diri ke Eropah bersama isterinya. Sila lihat Nasr Hamid Abu Zayd (2006), *Encyclopaedia Britannica Concise*. <http://www.britannica.com/>, akses pada 22 Julai 2009.

²¹ Seorang lagi profesor Mesir, Farag Fuda, telah dibunuh pada 1992 oleh lelaki-lelaki bertopeng selepas mengkritik fundamentalis Islam dan mengumumkan rancangan untuk membentuk suatu gerakan baru untuk orang Mesir dari semua agama. *The New York Times*, 10 Jun, 1992: "Foe of Fundamentalists Shot to Death in Egypt".

²² "Conversion a thorny issue in Muslim world", *The Christian Science Monitor*, 27 Mac 2006.

²³ *Kamariah Binti Ali dan lain-lain lwn Majlis Agama Islam Kerajaan Negeri Kelantan Malaysia dan satu lagi* (2002) 3 MLJ 657 (Mahkamah Rayuan); *Daud bin Mamat & lain-lain lwn Majlis Agama Islam & satu lagi* [2001] 2 MLJ 390 (Mahkamah Tinggi); [2002] 3 MLJ 728 (Mahkamah Rayuan).

Memeranginya: Konfrontasi Dengan Ideologi Barat”.²⁴ Malah, Ann Wan Seng sebagai aktivis masyarakat menyatakan rasa kebimbangannya dengan isu murtad di dalam bukunya yang bertajuk “Murtad : Jangan Pandang Sebelah Mata”.²⁵ Kebimbangan beliau dikongsi bersama para muallaf yang lain²⁶ seperti Muhammad Fitri Abdullah dan Muhammad Abdullah Nicholas Sylvester. Kebimbangan dari kalangan orang Islam lebih ketara lagi apabila ia menjadi isu hangat yang dibicarakan di dalam terbitan majalah-majalah tempatan.²⁷ Persoalannya adakah isu murtad akan berakhir dengan perbincangan akademik sahaja? Bagaimanakah undang-undang Islam di Malaysia menangani isu ini? Jika tidak ditangani segera, ia akan terus merebak menjadi wabak yang tidak dapat dibendung suatu masa nanti.

Utusan Malaysia pernah melaporkan pada 20 April 1998 bahawa Datuk Dr Abdul Hamid Osman Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dipetik sebagai berkata bahawa Draf Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah berada di peringkat akhir penggubalan dan menanti persetujuan kerajaan pusat dan kerajaan - kerajaan negeri. Namun sehingga kajian ini dilakukan, undang-undang tersebut masih belum muncul.

Negeri Selangor juga tidak terlepas dari berhadapan dengan masalah murtad.

Berasaskan kajian yang dibuat oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed

²⁴ “Murtad - Mengapa Tidak Ada `Abu Bakar' Memeranginya: Konfrontasi Dengan Ideologi Barat”, Kertas Kerja Seminar Perundangan dan Kehakiman Malaysia di Kuala Lumpur, pada 12-13 Oktober 1992.

²⁵ Ann Wan Seng (2009), *Murtad: Jangan Pandang Sebelah Mata*, Kuala Lumpur: Mustread.

²⁶ Ridhuan Md Nor, Ann Wan Seng & Muhammad Fitri Abdullah (2000), *Mengapa Masyarakat Islam Murtad*, Kuala Lumpur: Aliassalam Enterprise; Ann Wan Seng (2004), “Latar Belakang Masalah Murtad di Malaysia”, *Majalah I*, Bil. 22, Ogos 2004, hh. 16-17; Muhammad Abdullah Nicholas Sylvester (2004), “Gejala Murtad Perlu Disekat,” *Majalah I*, Bil. 18, April 2004, hh. 29-31; Ann Wan Seng (1998), “Kenapa Kejadian Murtad Semakin Berleluasa”, *al-Mustaqim* 60, 1998, hh. 11-12.

²⁷ Humaidi Teh (2000), “Murtad Bahasa Fenomena Baru Masyarakat Moden”, *Dewan Budaya* 22(3): 21 Mac 2000, h. 20; Rosli Ibrahim (2002), “Murtad Perangnya Tidak Bercanggah Dengan Perlembagaan”, *Dewan Agama dan Falsafah*, 2(14), Julai 2002, hh. 22-23; Noor Azam Shairi (2000), “Murtad Dan Mahkamah Shar’iyyah”, *Massa* (222): Jan 2000, hh. 18-19.; Jasri Jamal; (2001/2002), “Jenayah Murtad Dan Kebebasan Beragama: Kesan Undang-undang Terhadap Masyarakat Islam Di Malaysia”, *Tasawwur Islam*, (7): hh. 65-87.

Adil, seramai 51 orang Islam telah mengemukakan permohonan murtad.²⁸ Daripada 51 permohonan di atas, seramai 62 peratus adalah terdiri dari wanita. Manakala majoriti permohonan adalah dari kalangan India Muslim iaitu 64 peratus. Apa yang memeranjatkan, 40 peratus dari permohonan yang dikemukakan adalah berasal dari agama Islam iaitu bukan di kalangan muallaf.²⁹ Status permohonan mereka adalah seperti berikut :

Jadual 1.1: Bilangan Kes Murtad di Negeri Selangor Tahun 2008/09.³⁰

STATUS	JUMLAH
Daftar	1
Sebutan	28
Ditolak	4
Buang kes	12
Tarik balik	2
Dalam prosiding	4
Jumlah	51

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor.

Alasan-alasan yang dikemukakan untuk murtad ialah kerana pemohon telah dibaptiskan, diasuh oleh keluarga beragama Hindu, tidak mengamalkan ajaran Islam, tidak berminat dengan agama Islam, putus tunang dan berkahwin dengan orang India.³¹

²⁸ Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Bin Mohamed Adil (2009), "Isu Murtad: Mengikut Tafsiran Perlembagaan Persekutuan Dan Undang-Undang Sedia Ada", Kertas Kerja Muzakarah Pakar Isu Murtad, anjuran Jabatan Mufti negeri Selangor, pada 2 Julai 2009.

²⁹ Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Bin Mohamed Adil (2009), "Krisis Murtad Dan Isu-Isu Terkini", Kertas Kerja Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Negeri Selangor, pada 30 Mei 2009.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Prof. Dato' Dr. Zaleha Kamaruddin (2008), "Dapatan Kajian Berdasarkan Profail Kes Permohonan Pengisytiharan Murtad di Negeri Selangor", Kertas Kerja Bengkel Kajian Bagaimana Menangani Isu Murtad, anjuran Majlis Agama Islam Selangor, pada 18 Disember 2008.

Sebelum tahun 2003, negeri Selangor tiada peruntukan undang-undang bagi menangani kejadian murtad. Justeru tiada rekod di Mahkamah Syariah Negeri Selangor berkenaan permohonan murtad. Namun demikian selepas tahun 2003, Seksyen 61 (3)(b)(x), Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor telah memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membuat pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi seorang Islam.

Berdasarkan hukuman akidah, seseorang yang menyatakan hasrat untuk murtad boleh didakwa sebagai murtad. Oleh itu, timbul persoalan, adakah mengemukakan permohonan murtad sahaja sudah cukup untuk menggugurkan keIslamannya? Ini kerana kesahihan akidah adalah menyakini keesaan Allah S.W.T dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W secara *jazam* dan *sabit*, sama ada pada iktikad, ikrar atau perbuatan. Justeru perbuatan pemohon mengemukakan permohonan murtad adalah menunjukkan keraguannya kepada kalimah *ṭayyibah* (dua kalimah Syahadah). Dalam keadaan demikian, Mahkamah Syariah berperanan untuk memastikan sama ada permohonan yang dikemukakan dibuat secara sukarela atau pemohon benar-benar bertekad untuk murtad.

Persoalan seterusnya, apakah dengan mengemukakan permohonan murtad sudah boleh diterima dari sudut perundangan Islam di negeri Selangor bahawa seseorang telah murtad? Jika seseorang murtad, apakah tindakan yang sewajarnya mesti diambil oleh Mahkamah Syariah? adakah Mahkamah memiliki bidang kuasa untuk membicarakan kes jenayah murtad? Apakah hukuman ke atas penjenayah murtad boleh disabitkan oleh Mahkamah Syariah? Malah perkara yang lebih asas, apakah undang-undang Islam di negeri-negeri khususnya di negeri Selangor yang

memperuntukkan seksyen berkaitan dengan jenayah murtad? Bagaimana pula dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuann yang menjamin kebebasan beragama iaitu semua orang bebas untuk memilih agama mereka ? Begitu juga dengan proses *istitābah* dan hukuman kepada jenayah murtad serta isu-isu yang berkaitan dengan pasca murtad adakah dinyatakan dengan jelas?

Jika undang-undang Islam dikuatkuasakan, adakah ia dapat menyelesaikan masalah ini sepenuhnya? Berdasarkan kepada pengalaman di negara Islam yang lain, walaupun undang-undang Islam yang dilaksanakan tetapi tidak sepenuhnya mengikut syariat Islam. Perlaksanaan ini mendapat bantahan yang amat luar biasa dari masyarakat antarabangsa hinggalah ke peringkat tempatan. Contohnya di Afghanistan, seorang Islam bernama Abdul Rahman³² telah dibebaskan dari kes murtad oleh Mahkamah Afghanistan kerana mendakwa tidak mempunyai cukup bukti. Namun demikian di belakang kes ini, ada desakan antarabangsa yang begitu kuat, sehinggakan Franco Frattini, wakil Perdana Menteri Itali berjanji akan memberi suaka politik untuk Abdul Rahman yang telah murtad dari Islam dan memeluk agama Kristian. Tekanan ini menyebabkan Presiden Afghanistan, Hamid Karzay juga menjamin perlindungan terhadap Abdul Rahman.³³

³² Abdul Rahman, berbangsa Afghan telah ditangkap pada awal 2006, dan ditahan oleh pihak berkuasa Afghan. Beliau didakwa telah menukarkan agamanya dari Islam ke agama Kristian. Murtad adalah suatu kesalahan jenayah yang boleh dijatuhi hukuman mati di Afghanistan. Selepas tekanan antarabangsa (termasuk suatu kenyataan awam oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat pada waktu itu Condoleezza Rice, dia dibebaskan dan secara rahsia diberikan perlindungan di Itali. Sila lihat Tom Coghlan, "Afghan Christian convert is released", CNN, 28 Mac 2006; "The Troubled Odyssey of Abdul Rahman", Der Spiegel, 3 April 2006.

³³<http://www.eramuslim.com/berita/dunia/warga-muslim-yang-murtad-di-afghanistan-akan-dapat-suaka-politik-dari-italia.htm>, akses pada 29 Ogos 2009.

Di samping itu, Amnesty International³⁴ adalah antara Pertubuhan Hak Asasi Manusia yang amat berpengaruh di peringkat antarabangsa memberi tekanan kepada mana-mana negara Islam yang melaksanakan hukuman Islam. Merujuk kes Amina Lawal di Nigeria, pertubuhan ini telah berjaya memberi tekanan kepada kerajaan Nigeria, sehinggakan Amina Lawal dibebaskan dengan alasan bahawa perzinaan itu berlaku sebelum undang-undang syarak dikuatkuasakan.³⁵

Manakala di peringkat tempatan penulis mendapati bahawa usaha memartabatkan perundangan Islam juga melalui banyak halangan. Halangan ini bermula dari peringkat kepimpinan, media, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan. Umpamanya kenyataan “Kita (Kerajaan Pusat) akan mengambil tindakan jika Kelantan meneruskan usaha melaksanakan hudud”,³⁶ kenyataan “Apa erti negara Islam jika mundur”.³⁷ Begitu juga dengan kenyataan “ Negara akan huru hara sekiranya undang-undang Islam dilaksanakan”³⁸ dan Malaysia adalah sebuah negara sekular.³⁹ Semua kenyataan ini membayangkan betapa sukarnya undang-undang Islam untuk dilaksanakan kerana kenyataan-kenyataan ini lahir dari beberapa pemimpin utama negara. Begitu juga pandangan yang menolak perundangan Islam terus mendapat tempat di dada-dada akhbar. Umpamanya Akbar Ali dilaporkan berkata :

*“The Quran allows a person to become apostate twice and then to persist in his disbelief....No Punishment of any sort at all is precried for such a person other han the promise that God will never forgive him nor guide him to right path. This is God’s promise. It is his law.”*⁴⁰

³⁴ Amnesty International, 1 Easton St., London WC1X 0DW, <http://www.amnesty.org>, akses pada 29 Ogos 2009.

³⁵ http://www.nigerdeltacongress.com/articles/amina_lawal.htm, akses pada 12 Ogos 2009.

³⁶ Petikan ucapan Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pasir Mas Kelantan, 14 Ogos 1994.

³⁷ Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi, *Berita Harian*, 13 November 1999.

³⁸ Dato’ Seri Najib Tun Razak, *Utusan Malaysia*, 20 April 1993.

³⁹ Tunku Abdul Rahman, *New Strait Times*, 9 Februari 1983.

⁴⁰ Akbar Ali (1999): “Death For Apostate Unjust”, *The Sun*, 14 Julai 1999.

Manakala Norhayati Kaprawi,⁴¹ seorang aktivis wanita pula mempertikaikan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Shar'iah Negeri Pahang ke atas model sambilan, Kartika Sari Dewi Shukarno yang disabitkan dengan kesalahan minum arak. Senario ini memberi isyarat yang amat jelas bahawa pelaksanaan perundangan Islam memerlukan kajian yang amat mendalam dan berhati – hati, agar ia adil dan dilihat sebagai adil. Justeru kajian akademik dari pelbagai sudut perlu dilakukan bagi menatijahkan suatu pandangan yang konkrit, semasa dan berpaksikan hukuman syarak. Oleh itu perbahasan berkenaan perundangan Islam di zaman moden bukan sahaja dari sudut *dilalah* tetapi pelaksanaan juga perlu dilihat dari sudut *maqāsid shar'iyah*.

1.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian akan dirungkai di dalam kajian ini, iaitu:

1.2.1 Bagaimanakah konsep *ḥifz al-dīn* yang dinyatakan dalam *maqāsid shar'iyah* mampu melindungi akidah orang Islam?

Persoalan ini akan menyentuh mengenai *maqāsid shar'iyah* sebagai asas untuk memahami konsep *ḥifz al-dīn* di dalam kerangka membendung jenayah murtad. Perbincangan akan menyentuh mengenai ruang lingkup *ḥifz al-dīn* sehingga terbentuk suatu teori membendung jenayah murtad di dalam Islam.

1.2.2 Sejauhmanakah peruntukan undang-undang Islam yang sedia ada di negeri Selangor digubal dalam kerangka *ḥifz al-dīn*?

⁴¹ Norhayati Kaprawi pernah bertugas sebagai pengurus program Sisters in Islam (SIS) selama empat tahun. Penulis juga aktif bersama Inisiatif Pencalonan Wanita (WCI). Norhayati Kaprawi, *Imej Agama Apa Yang Kita Mahu?*, <http://www.malaysiakini.com/opinions/111330>, akses pada 25 Ogos 2009.

Persoalan ini akan menjelaskan tentang kedaulatan Islam di negeri Selangor. Begitu juga dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan dakwah, pemeluk Islam dan pendidikan kepada para muallaf dan orang Islam sedia ada, untuk melihat adakah pelaksanaannya berjalan dengan baik dan teratur serta memenuhi kehendak syarak. Perbincangan juga akan menyentuh keupayaan undang-undang yang sedia untuk mencegah orang Islam terselamat dari perbuatan dosa, bid'ah dan sesat supaya gejala murtad dapat dielakkan.

1.2.3 Adakah peruntukan undang-undang yang berkaitan kes murtad di negeri Selangor menepati konsep *ḥifz al-dīn* dalam *maqāṣid shar'iyyah*?

Persoalan ini berkaitan dengan peruntukan undang-undang murtad dan penguatkuasaannya di Negeri Selangor. Perbincangan dalam persoalan ini juga akan menyentuh mengenai pendakwaan, *istitābah*, hukuman jenayah murtad dan kesan murtad dari sudut undang-undang. Perbincangan turut menyentuh mengenai statistik kes murtad, undang-undang murtad sedia ada dan pengurusan kes murtad oleh institusi yang berkaitan dalam menangani kes murtad.

1.2.4 Apakah penyelesaian kepada masalah perundangan murtad di negeri Selangor?

Persoalan ini akan menyentuh berkenaan cadangan-cadangan yang sesuai supaya kes murtad boleh dibendung di negeri Selangor berasaskan undang-undang yang memenuhi kehendak objektif hukuman syarak.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- a. Menjelaskan peruntukan undang-undang Islam sedia ada di negeri Selangor dari sudut *maqāṣid shar'iyah* dalam menangani jenayah murtad di di negeri Selangor.
- b. Menilai prosedur dan pentadbiran undang-undang Islam di negeri Selangor dalam mengurus dan menangani kes murtad di negeri Selangor.
- c. Mengemukakan garis panduan yang bersifat perundangan berasaskan nas syarak dan *maqāṣid shar'iyah* dalam menangani isu-isu murtad di Selangor meliputi elemen pencegahan, pemulihan dan hukuman kepada penjenayah murtad dan perlindungan untuk mangsa jenayah tersebut.

1.4 Hipotesis

Berdasarkan penelitian awal yang dijalankan, penulis berpandangan hipotesis pada kajian ini ialah:

- a) Undang-undang yang berkaitan dengan murtad di negeri Selangor menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah*.
- b) Undang-undang yang berkaitan dengan murtad di negeri Selangor tidak menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah*.

Hipotesis *null* bagi kajian ini adalah undang-undang yang berkaitan dengan murtad di negeri Selangor menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah*. Manakala hipotesis *alternate*

ialah undang-undang yang berkaitan dengan murtad di negeri Selangor tidak menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah*. Ini bermakna jika kajian ini memenuhi hipotesis *null* maka kesimpulan yang akan diketengahkan ialah undang-undang yang berkaitan dengan murtad sedia ada bertepatan dengan kehendak *maqāṣid shar'iyah* dan hendaklah ia diteruskan. Namun jika terbukti bahawa hipotesis *alternate* yang lebih signifikan maka penulis akan mencadangkan beberapa pindaan peruntukan undang-undang sedia ada agar menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Menjelaskan kepada masyarakat umum konsep *ḥifz al-dīn* dalam menangani jenayah murtad;
- b. Mengemukakan garis panduan perundangan berasaskan nas syarak dan *maqāṣid shar'iyah* dalam menangani isu-isu murtad dari sudut pencegahan dan pemulihan kepada penjenayah dan mangsa jenayah murtad;
- c. Memahami kedudukan undang-undang jenayah murtad yang sedia ada di negeri Selangor;
- d. Membantu Jabatan Agama Islam khususnya di negeri Selangor untuk mencari jalan penyelesaian dari sudut peruntukan undang-undang, dalam kerangka membendung jenayah murtad;

- e. Mencadangkan kajian selanjutnya dalam bidang jenayah murtad supaya sebuah model undang-undang bagi membendung jenayah murtad yang praktikal berjaya dihasilkan dan dikuatkuasakan.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah berkenaan peruntukan undang-undang yang berkaitan murtad di negeri Selangor dan kajian ini dibuat berasaskan pertimbangan *maqāsid shar'iyah*. Manakala tempat kajian dikhususkan negeri Selangor. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana negeri Selangor adalah negeri paling maju di Malaysia dan mempunyai masyarakat majmuk yang amat rencam.⁴² Percampuran ini mendedahkan orang Islam di negeri Selangor kepada pelbagai agama dan budaya bangsa lain dengan lebih dekat. Di samping itu kajian ini akan mengukur undang-undang murtad di negeri Selangor dengan pertimbangan *maqāsid shar'iyah* bagi menentukan sama ada undang-undang yang sedia ada bertepatan dengan hukuman syarak dan objektif hukuman syarak atau sebaliknya.

1.7 Ulasan Kajian-kajian Lepas

Kajian mengenai murtad secara teoritikal telah dibahaskan oleh semua mazhab *fiqh* di dalam bab jenayah. Justeru, kajian para ulama kontemporari seperti Dr *Yūsuf al-Qarḍhāwī* melihat jenayah murtad dari sudut lebih mikro khususnya mengenai tahap jenayah murtad. Beliau membuat rumusan bahawa murtad terbahagi

⁴² Ab. Aziz Mohd Zin, Faisal Ahmad Shah, Mariam Abd Majid & Mohd Makhi Adnan (2008), "Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan Dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan", *Jurnal Usuluddin*, 27, hh. 109-119.

kepada dua iaitu murtad berat dan ringan.⁴³ Pandangan beliau sebenarnya adalah lanjutan perbahasan yang telah diketengahkan oleh Ibn Taimiyyah.⁴⁴ *al-Butī* pula menjelaskan, andaikata kemurtadannya didiamkan atau tidak didedahkan kepada orang lain, maka hukuman di dunia tidak boleh dikenakan kerana kaedah umum yang diamalkan oleh pemerintah Islam ialah bertindak berdasarkan pandangan zahir, manakala urusan batin diserahkan kepada Allah S.W.T yang akan membalasnya di akhirat kelak.⁴⁵

Manakala S.A Rahman, seorang bekas Ketua Hakim di India, cuba mengetengahkan pemikiran baru dalam hukuman jenayah murtad. Beliau berpendapat bahawa hukuman murtad tidak semestinya hukuman bunuh.⁴⁶ Beliau mengemukakan tafsiran baru kepada dalil-dalil yang mengetengahkan hukuman bunuh bagi jenayah murtad, antaranya beliau berpendapat bahawa perkataan *hendaklah dibunuh* di dalam hadith *sesiapa yang menukar agamanya hendaklah dibunuh*, dibaca secara metafora iaitu “maka layanlah dia seperti kamu melayan orang mati”. Pandangan beliau disangkal dengan hadith yang diriwayatkan oleh Zaid Bin Aslam iaitu sesiapa yang meninggalkan agama Islam, maka hendaklah dipenggal lehernya.⁴⁷

⁴³ Yusūf al-Qarḍhāwī (1996), *Jarimat al-murtad wa-`uqūbat al-murtad fī daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, `Abidin, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 52.

⁴⁴ Ibn Taimiyyah, Taqiyy al-Dīn, Abī al-`Abbas Aḥmad bin Abdul Ḥalīm nin Abdul al-Salām al-Harranī al-Damshiqī (1998), *al- Sarim al-Maslul `alā Shatim al-Rasul*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiah, hh. 263-265.

⁴⁵ al-Butī, Sa`id Ramaḍhān (2004), *Hurriyyah al-Insān fī Zil `Ubudiyyah Li-Allah S.W.T*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 85; Abdul Monir Yaacob (1995), “Murtad Menurut Hukuman Syarak Dan Undang-Undang”, *Jurnal IKIM* 3(1): Jan/June 1995, hh.106-121; Abdul Monir Yaacob (1998), “Jenayah murtad Perspektif Syarak Dan Perundangan”, Kertas Kerja Seminar Murtad: Permasalahan Dan Penyelesaiannya di Kuala Lumpur, pada 1998.

⁴⁶ S.A Rahman (1996), *Punishment of Apostasy in Islam*, New Delhi: Kitab Bhavan, hh. 62-86; Mohamed Azam Mohamed Adil, “Undang-undang Murtad: Suatu Penilaian dari Perspektif Fiqh Dan Undang-undang di Malaysia”, [Mac 1997] 9 *KANUN* (1), hh. 1-3.

⁴⁷ Mālik Ibn Anas (1997), *al-Muwatta*, Beirut : Dār Ahya' al-Turath al-`Arabī, h. 454.

Perbincangan mengenai murtad secara teoritikal juga dilakukan oleh ulama tempatan. Mereka menjelaskan mengenai maksud murtad, syarat-syarat, bagaimana seseorang boleh dikatakan murtad dan hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas orang yang murtad. Ada penulis mengemukakan permasalahan fiqh yang berkaitan dengan orang murtad. Beberapa orang pengkaji juga mengupas secara terperinci berkenaan hukuman ke atas orang yang murtad dan hukuman-hukuman fiqh yang berkaitan dengan murtad.⁴⁸ Walaubagaimanapun mereka tidak menyentuh kepada pelaksanaan perundangan murtad secara praktikal di Malaysia amnya dan di negeri Selangor khususnya.

Pendedahan isu murtad di Malaysia mula dibukukan apabila gerakan anti hadith yang dipelopori Kasim Ahmad mula berkembang.⁴⁹ Begitu juga dengan gerakan *freemason* di Malaysia.⁵⁰ Punca murtad di Malaysia telah dikenalpasti oleh Salleh Ismail (2003) melalui kajiannya “Murtad di Malaysia”.⁵¹ Beliau mengenalpasti punca jenayah murtad di Malaysia dengan menemubual responden di kalangan penjenayah murtad. Berasaskan himpunan perbincangan para ulama mengenai murtad, peruntukan undang-undang dan data yang dihimpun dari responden beliau membuat rumusan bahawa walaupun kesedaran beragama semakin bertambah baik dan kuat, tetapi unsur-unsur tarikan kepada murtad semakin berkembang, sama ada kerana kuasa, pangkat, harta atau sebab kemiskinan dan kejahilan atau kerana perkahwinan. Justeru itu, beliau mencadangkan Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi

⁴⁸ Arieff Salleh Rosman (2001), *Murtad Menurut Perundangan Islam*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia; Isu yang sama juga dibahaskan oleh Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1994), *Hukuman Jarimah Murtad Dalam Syari'at Islam*, Kota Bharu: Dian Darulnaim; Haji Said Haji Ibrahim (1998), *Jinayah Murtad Dari Sudut Hukuman Syarak Dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

⁴⁹ Amaluddin Darus (1986), *Kassim Murtad Atau Mualaf: (Sanggahan Terhadap Kasim Dan Bukunya Hadith - satu Penilaian Semula)*, Subang Jaya: Pustaka Abad, h. 3.

⁵⁰ Yusof Jalil (1987), *Freemason Murtad ?*, Petaling Jaya: AZ Distributors, h. 10.

⁵¹ Salleh Ismail (2003), *Murtad di Malaysia*, Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, h. 100.

mbolehkan undang-undang murtad dikuatkuasakan bagi membendung jenayah *riddah*.

Isu murtad lebih ketara di kalangan para muallaf. Oleh itu Azhar Yaakub (2000) menumpukan kajiannya mengenai gejala murtad yang telah berlaku di kalangan saudara baru berketurunan India di Wilayah Persekutuan. Berlandaskan kajian yang telah dijalankan, beliau mendapati masalah murtad yang berlaku di kalangan saudara baru keturunan India ada kalanya berpunca dari diri seseorang itu (interinsik) dan kadang-kadang berlaku secara terancang dan dirancang (exstrinsik) oleh anasir-anasir luar. Gambaran ini menjadikan fenomena murtad di kalangan saudara baru berketurunan India menjadi lebih merbahaya dan perlu kepada penyelesaian yang lebih menyeluruh dan pantas.⁵² Kajian juga telah dibuat ke atas masyarakat cina muallaf. Walaupun kes murtad di kalangan muallaf cina tidak setinggi seperti kalangan muallaf India tetapi kes murtad di kalangan muallaf cina telah berlaku dan tindakan mesti diambil bagi membendung masalah ini.⁵³

Prof. Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2001) telah menjalankan kajian mengenai bidangkuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia bagi membicarakan kes murtad.⁵⁴ Kajian beliau tertumpu kepada sejauhmanakah bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia menepati kehendak *maqāsid shar'iyah* atau objektif hukuman syarak. Beliau merumuskan bahawa undang-undang jenayah yang ada hanya berlegar dalam kategori takzir. Hukuman bagi kesalahan hudud masih belum

⁵² Azhar Yaakub (2000), "Murtad Di Kalangan Saudara Baru Keturunan India: Suatu Kajian di Wilayah Persekutuan", Disertasi Master, Universiti Malaya.

⁵³ Dina Imam Supaat, Abidah Abdul Ghafar & Abdul Manan Ismail (2004), "*Pertukaran Agama Dan Murtad Di Kalangan Orang-orang Cina Di Malaysia: Isu Dan Cabaran Perundangan*", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Masyarakat Cina Dan Perkembangan Islam Di Malaysia di Selangor, pada 2004.

⁵⁴ Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2001), *Bidangkuasa Jenayah Mahkamah Shar'iah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

diperuntukkan. Oleh itu menjadi halangan kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman bunuh bagi penjenayah murtad di Malaysia apabila mahkamah tidak diberikan bidangkuasa tersebut.⁵⁵

Kajian ke atas usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk membendung jenayah murtad telah dilakukan oleh Nabilah Yusof (2006). Beliau telah menganalisa usaha-usaha pemerintah melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku agensi pusat yang bertanggungjawab menyelaras hal ehwal agama Islam diperingkat nasional dalam menangani masalah ini. Seterusnya menilai usaha-usaha tersebut untuk melihat sejauhmana keselariannya dengan roh *al-shar'iyah* dan konsep *al-siyāsah al-syar'iyah*. Hasil kajiannya mendapati segala usaha yang dilaksanakan oleh JAKIM selari dengan tuntutan syarak dan teori asas *al-siyāsah al-shar'iyah*. Namun demikian terdapat beberapa kelemahan dari sudut praktikaliti yang perlu diperbaiki.⁵⁶

Norhafizah Musa (2002) pula melihat peranan institusi dakwah di peringkat kerajaan dan badan bukan kerajaan. Beliau telah menyingkap persoalan tahap sebenar gejala murtad yang didakwa begitu menular di Lembah Klang dan membincangkan mengenai program anjuran dan pelaksanaan gerakan dakwah serta pengurusannya yang telah dilaksanakan oleh institusi – institusi dakwah utama di Lembah Klang seperti JAKIM, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan

⁵⁵ Siti Zubaidah Ismail (2000), “Pertindihan Bidang Kuasa Mahkamah Shar’iah: Sorotan Terhadap Kes-Kes Murtad (Conflict of Jurisdiction in Shariah Court: An Assessment on Apostacy Cases)”, *IKIM Law Journal*, vol.4, no.2, hh.69-98; Siti Zubaidah Ismail (1999), “Isu-isu Semasa Bidangkuasa Di Mahkamah Shar’iah: Kajian Mengenai Kes-kes Liwat dan Murtad, Kertas Kerja Seminar Kakitangan Jabatan Shar’iah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam di Kuala Lumpur, pada 14 Ogos 1999.

⁵⁶ Nabilah Yusof (2006), “Usaha-usaha Kerajaan Pusat dalam Menangani Gejala Murtad: Satu Penilaian Menurut Perspektif Siyāsah Syar’iyah”, Disertasi Master, Jabatan Siasah Syar’iah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Awang Sharin Alimin (1993), *Murtad, Kesan Dan Cara Mengatasinya Di Sabah*, Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Muhammad Isa Selamat (1998), *Murtad : Kesan Dan Kisah mengenainya*, Kuala Lumpur: Darul Nu’man.

Islam Malaysia (PERKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Hasil kajian ini mendapati usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan sama ada di peringkat kerajaan atau badan bukan kerajaan dalam membendung masalah murtad perlu dipertingkatkan lagi. Justeru, institusi-institusi dakwah yang dinyatakan di atas hendaklah membuat *post-mortem* dan satu pembaharuan yang lebih baik serta menyeluruh agar masalah murtad dapat dibendung dengan cara yang lebih dan berkesan.⁵⁷

Profesor Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim menegaskan bahasa jenayah murtad akan memberi kesan langsung kepada institusi keluarga secara khusus dan kehidupan sosial orang Islam secara umum.⁵⁸ Oleh itu ia mesti ditangani dengan hikmah dan beberapa undang-undang perlu dipinda bagi memastikan keadilan diberikan kepada mangsa jenayah murtad seperti anak-anak dan isteri⁵⁹ serta akidah Islamiah terus dilindungi.⁶⁰

Namun demikian dalam konteks Malaysia, beberapa cabaran undang-undang seperti Perlembagaan Malaysia dan Akta Mahkamah Syariah perlu diperhalusi bagi

⁵⁷ Norhafizah Musa (2002), "Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad Di Lembah Kelang", Disertasi Master, Universiti Malaya.

⁵⁸ Ahmad Mohamed Ibrahim (1998), "Penyelesaian Masalah Murtad Dalam Ruang Lingkup Undang-Undang Malaysia Yang Ada", Kertas Kerja Seminar Murtad: Permasalahan Dan Penyelesaiannya di Kuala Lumpur; Mohamed Azam Mohamed Adil (2007), "Pendekatan Ahmad Ibrahim Dalam Undang-Undang Murtad: Satu Kupasan", dalam Seminar Ahmad Ibrahim : Pemikiran Dan Sumbangan Ilmiah, 21-22 Ogos, Petaling Jaya, Negeri Selangor, hh. 157-176.

⁵⁹ Noor Aziah Hj Mohd Awal, "Pertukaran Agama: Hak Penjagaan Anak- Isu dan Masalah", [2004] 3 MLJ.

⁶⁰ Abdul Monir Yaacob (1998), *Jenayah murtad Perspektif Shara' Dan Perundangan*, dalam Seminar Murtad: Permasalahan dan Penyelesaiannya: Kuala Lumpur; Abdul Monir Yaakob & Saria Othman (2000), *Tinjauan kepada Perundangan Islam*, Institut Kefahaman Islam, Kuala Lumpur, h. 3.

membendung kes murtad dari sudut undang-undang.⁶¹ Malah ada pihak yang menggunakan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan sebagai justifikasi terhadap kebebasan memilih agama termasuk murtad.⁶² Di samping itu, peruntukan undang-undang murtad yang sedia ada berbeza antara negeri-negeri di Malaysia.⁶³ Suasana masyarakat majmuk yang harmoni di Malaysia juga perlu diambil perhatian, agar pelaksanaan undang-undang murtad tetap mengekalkan keamanan di Malaysia.⁶⁴

Berdasarkan ulasan kajian-kajian di atas dan semakan yang telah dilakukan di perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, penulis mendapati kajian mengenai peruntukan undang-undang murtad di negeri Selangor dari sudut *maqāsid shar'iyah* masih belum dijalankan. Justeru, penulis berpendapat wajar satu kajian dibuat ke atas peruntukan undang-undang dari sudut *maqāsid shar'iyah* agar kewibawaan perundangan murtad yang sedia ada dapat diperkukuhkan, malah ia bukan sahaja menepati nas syarak tetapi juga menepati

⁶¹ Mohamed Azam Mohamed Adil (1998), "Peruntukan Undang-undang Murtad di Malaysia: Realiti, Cabaran dan Harapan", Kertas Kerja Seminar Faham Agama dan Gejala Murtad, anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, pada 25 Oktober 1998, h. 49; Mohamed Azam Mohamed Adil (2003), "Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukuman Islam", *Jurnal Shar'iah*, 11 (1), hh. 23-46.

⁶² Abdul Aziz Bari (1999), "Murtad Dalam Konteks Kebebasan Beragama di Malaysia", *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jil.3, hh. 54-70; Zuliza MoM. Kusrin (2001), "Sekatan-sekatan Perundangan Terhadap Kebebasan Beragama di Malaysia", *Isu Shar'iah dan Undang-undang, Jabatan Shar'iah*, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hh. 79-90; Abdul Aziz Bari (2001), "Kebebasan Beragama di Malaysia - Antara Undang-undang, Sejarah dan Politik", *Dewan Masyarakat*, Januari 2001, hh. 36-37; Ahmad Ibrahim (1991), "Freedom of Religion Under The Federal Constitution", *Jurnal Perundangan*, Jil. 1, Bil.2, Jun 1991, hh. 1-14.

⁶³ Ashaari Hj. Mohd. Yazid (1992), *Undang-Undang Murtad Di Malaysia*, Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Ghafani Awang Teh (1988), *Penyelesaian Masalah Murtad (Murtad) Mengikut Perundangan: Penekanan Kepada Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan*, Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Nor Azliana Binti Alias (2000/2001), "Jenayah Murtad Di Malaysia: Kajian Terhadap Peruntukan Hukuman Dan Pelaksanaannya", Disertasi Master, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

⁶⁴ Naziree Md. Yusof (2006), "Toleransi Beragama Dan Kesesuaian Hukuman Murtad Di Malaysia", Kertas Kerja Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan Kuala Lumpur, Vol.1 Paper 5, 18-19 Jan 2006, h. 5.

kehendak *maqāṣid shar'iyah*. Oleh itu, kajian penulis adalah mengenai peruntukan undang-undang murtad di negeri Selangor dari sudut *maqāṣid shar'iyah*.

1.8 Rangka Teori Kajian


Fokus kajian ini adalah untuk mengukur sejauhmanakah undang-undang murtad di negeri Selangor menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah*. Oleh itu teori *maqāṣid shar'iyah* akan digunakan sebagai alat pengukur sejauhmana undang-undang murtad di negeri Selangor bertepatan dengan kehendak *maqāṣid shar'iyah*. Untuk itu penulis menerima teori yang dikemukakan oleh Dr. Ziad Mohamad Ahmidan bagi memelihara agama. Menurut beliau pelaksanaan *maqāṣid shar'iyah* dari sudut memelihara agama terbahagi kepada dua komponen utama iaitu: ⁶⁵

- a. Kewujudan dan kelangsungan agama dari sudut *maqāṣid shar'iyah* ;
 - i. amalan beragama;
 - ii. kedaulatan agama Islam;
 - iii. dakwah kepada agama Islam
- b. Ketiadaan agama dan kesannya mengikut *maqāṣid shar'iyah* ;
 - i. berjihad di jalan Allah S.W.T;
 - ii. pencegahan murtad;
 - iii. menghapuskan *bid'ah*;
 - iv. menjauhkan diri dari dosa dan maksiat;
 - v. menghindari pendapat secara bergurau senda yang melampau.

⁶⁵Ziad Mohamad Ahmidan (2008), *Maqāṣid al-Shar'iyah al-Islāmiyyah* , Beirut: Muassasah al-Risālah Nashirun, hh. 87 -130.

Namun demikian, oleh kerana kajian ini menumpukan kepada isu undang-undang murtad maka penulis akan memberikan perhatian kepada undang-undang yang berkaitan dengan elemen-elemen di atas. Justeru elemen-elemen di atas dikekalkan dengan beberapa penambahan supaya sesuai dengan realiti semasa di negeri Selangor. Ringkasnya rangka teori kajian ini adalah seperti berikut :

Jadual 1.2 : Rangka Teori Kajian.



Rangka teori kajian ini adalah berasaskan kepada empat komponen utama iaitu *hakimiyyah*, *tarbiyyah*, *wiqāyah* dan *'uqūbah* bagi memastikan akidah Islamiah terpelihara. Komponen pertama menjelaskan hubungan yang jelas mengenai prinsip *al hakimiyyah* seperti kedaulatan Islam, kebebasan beragama dan tidak ada paksaan untuk memeluk Islam. Islam berkembang melalui dakwah dan bukan dengan mata pedang. Prinsip ini membuktikan bahawa pengislaman seseorang adalah bukan dengan paksaan tetapi dengan ilmu. Justeru tidak sewajarnya mereka murtad selepas memeluk Islam.

Manakala komponen kedua menyentuh *tarbiyyah* yang meliputi aspek pendidikan dan pemeraksanaan iman. Justeru sesiapa yang memeluk Islam akan merasai kebebasan mengamalkan Islam dan mereka diasuh dan dididik untuk mengamalkan ajaran Islam, sehingga Islam sehati dengan diri mereka. Oleh itu mereka akan beramal dengan ilmu. Maka akan lahir rasa cinta dan kasih kepada Islam apabila iman mereka semakin bertambah. Jika keadaan ini dapat dizahirkan maka tidak akan timbul persoalan untuk murtad. Malah mereka akan berjihad mempertahankan Islam.

Komponen ketiga adalah *wiqāyah*, iaitu meliputi elemen pencegahan daripada murtad. Sekecil-kecil pencegahan adalah mengelakkan umat Islam dari melakukan dosa dan maksiat, diikuti meninggalkan perkara bid'ah dan sesat. Oleh itu akidah Islam akan dapat dilindungi. Bukan sahaja di kalangan orang Islam melindungi akidah masing-masing malah undang-undang negara juga sewajarnya melindungi akidah Islam dari diceroboh oleh musuh-musuh Islam. Justeru tidak timbul isu bahawa seseorang didorong atau digalakkan untuk murtad.

Komponen keempat ialah *'uqūbah*. Ia meliputi penguatkuasaan undang-undang, pendakwaan, *istitābah* dan hukuman kepada penjenayah murtad. Komponen ini sebenarnya ada dua perkara pokok yang cuba diketengahkan iaitu menakutkan orang Islam untuk murtad dan keduanya mengurus jenayah murtad agar ia tidak menjadi wabak kepada umat Islam. Di samping itu undang-undang juga akan memastikan hak-hak mereka yang berkaitan dengan penjenayah murtad diberikan secara adil apabila seseorang disabitkan dengan jenayah murtad.

Berdasarkan keempat-empat komponen di atas jelas menunjukkan bahawa Islam akan terpelihara dan kejadian murtad sepatutnya tidak berlaku. Namun demikian, oleh kerana terdapat orang Islam yang mahu murtad maka mereka terpaksa dihukum. Oleh itu hukuman dalam Islam bukanlah satu-satunya jalan untuk menyelamatkan akidah tetapi ia merupakan resolusi terakhir yang terpaksa digunakan bagi menjamin kedaulatan akidah Islam terus terpelihara.

1.9 Metodologi Kajian

Di dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan tiga jenis metode iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisa data. Pemilihan metode-metode ini adalah untuk memastikan kajian ini terarah dan berwibawa dalam menghasilkan rumusan yang berkualiti. Penjelasan metode-metode tersebut adalah seperti berikut :

1.9.1 Metode Penentuan Subjek

Penyelidik memilih subjek di dalam kajian ini berasakan kaedah *persampelan*⁶⁶ iaitu dengan menjadikan peruntukan undang-undang murtad di negeri Selangor sebagai subjek kajian. Walaubagaimanapun untuk menyokong kajian ini undang-undang lain yang berkaitan dengan perbincangan ini juga akan disentuh.

1.9.2 Metode Pengumpulan Data

⁶⁶ Iaitu mengambil sebahagian dari subjek kajian sebagai mewakili keseluruhan subjek tersebut. Lihat Abdul Majid Koting (1990), *Kaedah Kajian Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, h. 63; Mark Abrahamson (1993), *Sosial Research Methods*, New Jersey: Prentice Hall, h. 200.

Data – data yang berkaitan dengan subjek kajian dikumpulkan menggunakan metode-metode berikut:

1.9.2.1 Metode Historis (Sejarah)

Ia adalah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian⁶⁷ atau prosedur ilmiah dari proses historis sesuatu masalah⁶⁸ sebagai dasar untuk memahami sesuatu kejadian yang berlaku sekarang⁶⁹ dan memberi perspektif tentang situasi yang akan datang. Merujuk kajian ini, data yang berkaitan dengan peruntukan undang-undang murtad di negeri Selangor akan menjadi perhatian penulis. Begitu juga rekod-rekod pelaksanaan undang-undang tersebut. MAIS, JAIS, dan Mahkamah Syariah Negeri Selangor adalah rujukan utama penulis bagi mendapat maklumat di atas.

1.9.2.2 Metode Dokumentasi

Metode ini bermaksud pengumpulan data yang terdiri daripada fakta, perkataan, surat, rajah, carta, atau simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan atau idea.⁷⁰ Oleh kerana kajian ini dalam konteks undang-undang maka keputusan kes, Perlembagaan Persekutuann dan Enakmen negeri adalah berkaitan secara langsung. Penyelidik akan menggunakan kemudahan Perpustakaan Utama, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Pusat Islam,

⁶⁷ Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 52.

⁶⁸ Winarno Surachmad (1970), *Dasar Dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung: Penerbit C.V Tarsito, h. 123.

⁶⁹ S. Hadibroto (1965), *Metode Research*, t.p:t.t.p ., h. 11.

⁷⁰ Abdul Majid Konting, *op.cit*, h. 200.

Perpustakaan Darul Quran JAKIM dan Perpustakaan Jabatan Kehakiman Shar'iyah Malaysia (JKSM) bagi melengkapkan data dalam kajian ini.

1.9.2.3 Metode *Interview* (Temubual)

Ia adalah teknik pengumpulan data melalui temubual dua hala dan mendapatkan respon secara langsung atau tidak langsung dari responden.⁷¹ Penulis telah menemubual pegawai-pegawai di JKSM, peguam syarie, Penguatkuasa JAIS, dan agensi-agensi yang berkaitan dengan kes murtad. Temubual diadakan mulai 3. 11. 2009 sehingga 2 April 2010. Pihak-pihak yang telah ditemubual ialah :

- a. Ustaz Anuar Hamzah Tohar, Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Insan, MAIS. Temubual pada 3 November 2009.
- b. Ustaz Ahmad Zaki Bin Hamzah, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Temubual pada 18 November 2009.
- c. Ustaz Darudin Bin Taib @ Hassan, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Temubual pada 25 November 2009.
- d. Tuan Zainor Rashid Bin Hassin, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Temubual pada 2 Disember 2009.
- e. Cik Nurhani Salwa Bt Jamaluddin, Penasihat Undang-Undang MAIS. Temubual pada 7 Disember 2009.
- f. Ustaz Mohd Makhi Bin Adnan, Ketua Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Temubual pada 7 Disember 2009.
- g. Ustazah Norfaizah Binti Mohd Hassan, Pembantu Seksyen Disiplin dan Penilaian, Pusat Pemurnian Aqidah Baitul Iman, MAIS, Hulu Yam Bharu. Temubual pada 14 Januari 2010.

⁷¹ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Kajian: Kaedah Kajian Buku 1*, Kuala Lumpur: McGraw Hill Education, h. 114.

- h. Pelatih Pusat Pemantapan Akidah, Hulu Yam Selangor, temubual dibuat pada 14 Januari 2010.
- i. Ustaz Mohd Rais Bin Rasid, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, JAIS. Temubual pada 14 Januari 2010.
- j. Ustaz Roslan B. A.Rahman, Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengoperasian Dasar, Sektor Operasi Pendidikan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Islam Malaysia). Temubual pada 19 Januari 2010.
- k. Ustaz Abdul Rahman Siva Abdullah, Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat, temubual dibuat pada 20 Februari 2010.
- l. Ustaz Mohd Rabeh Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Unit Naziran, Bahagian Pendidikan Islam JAIS), temubual dibuat pada 25 Februari 2010.
- m. Sathia Seelan a/l Arumugam, pekerja kilang Toshiba, Telok Panglima Garang Selangor. Temubual pada 2 April 2010.
- n. Yuslan Bin Jamil (Timbalan Penguasa (Kaunseling), Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan), temubual dibuat pada 27 April 2010.

1.9.3 Analisa Data

Data - data yang meliputi perbahasan para fuqaha, sarjana undang-undang dan pengamal undang-undang, kandungan teks undang-undang sedia ada, kes-kes yang telah dikendalikan di Mahkamah Syariah dan temubual akan dianalisa berasaskan metode berikut:

1.9.3.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah suatu cara membuat kesimpulan dari bukti – bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Contohnya kejadian kes murtad di negeri Selangor yang semakin meningkat, memberikan gambaran bahawa undang-undang yang sedia ada tidak dapat membendung jenayah murtad dari berlaku.

1.9.3.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah satu cara membuat kesimpulan dari bukti –bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Contohnya peningkatan kadar jenayah murtad memberi isyarat bahawa undang-undang murtad perlu dipinda bagi mengatasi masalah ini.

1.9.3.3 Metode Komparatif

Metode komparatif adalah satu cara membuat kesimpulan dengan cara melakukan perbandingan terhadap segala fakta dan data yang diperolehi. Contohnya, perbezaan undang-undang murtad antara negeri-negeri di Malaysia memberikan gambaran bahawa undang-undang murtad tidak seragam.

1.10 Kesimpulan

Kepelbagaian bentuk serangan akidah pada hari ini mesti ditangani dengan segera. Begitu juga dengan pelbagai isu yang dibangkitkan di atas memerlukan jawapan dan penyelesaian. Oleh itu para cendekiawan Islam mesti mencari jalan keluar kepada kemelut ini. Jika tidak ia akan menjadi barah yang akan menghakis

kesucian akidah Islamiah dan meruntuh sistem sosial umat Islam secara perlahan-lahan. Justeru, penulis amat yakin bahwa kajian mengenai isu ini dari sudut kesesuaian peruntukan undang-undang yang ada dengan *maqāṣid shar'iyah* perlu dilakukan agar suatu rumusan dapat dihasilkan bagi melindungi kesucian akidah umat Islam, khususnya di negeri Selangor. Penulis berharap ia dapat menjadi sebahagian dari model penyelesaian kes murtad di peringkat negeri, yang boleh dikembangkan ke peringkat nasional dan antarabangsa. Semoga kajian ini juga akan menyemarakkan lagi kajian berkaitan dengan murtad sebagai salah satu usaha untuk memelihara kesucian akidah Islamiah.